

INFOKUS

UMT

MAC 2016 | Bil. 54
www.umt.edu.my



Amanat

Naib Canselor 2016

UMT Menang
MOOC Terbaik 2015

Dato' Ghazali

CEO@Fakulti UMT

UMT Tingkat Kapasiti
Jalur Lebar

UMT


Sertai Misi Bantuan
Pelarian Syria

ISSN 1675-2139



9 771675 213002

**TERKINI
DI PASARAN**



RM75

GEO PARK Tasik Kenyir

Pengarang : Faizah Mohd Sharoum, Mohd Tajuddin Abdullah,
Che Aziz Ali, Roslina Ismail
Tahun Terbit : 2015
Terbitan : Penerbit UMT
Harga : RM75.00

Tasik Kenyir merupakan tasik buatan manusia yang terbesar di Asia Tenggara. Selain kaya dengan keindahan panorama geologinya, Tasik Kenyir juga menyimpan khazanah flora dan fauna yang tidak ternilai. Kepelbagaian nilai seni, budaya, adat resam dan sejarah masyarakat sekitar Tasik Kenyir menjadi nilai tambah yang melayakkan Tasik Kenyir dinobatkan sebagai salah satu Geotapak di peringkat global. Selaras dengan aspirasi negara untuk menyokong pembangunan sumber alam yang mampan, pengiktirafan Geotapak Tasik Kenyir dilihat berada pada landasan dan masa yang tepat. Buku *Geopark Tasik Kenyir* ini yang mendokumentasi keindahan geologi, keunikan flora dan fauna dan kepelbagaian seni tradisi masyarakat setempat diharap dapat menjustifikasikan keperluan Tasik Kenyir diiktiraf sebagai Geotapak warisan dunia dalam masa terdekat.

Sidang Redaksi

Penaung

YBhg. Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar

Penasihat

YBhg. Prof. Dr. Mohd. Effendy Abd. Wahid

Ketua Pengarang

Prof. Madya Dr. Noraïen Mansor

Editor

Rabil Sitta Abdul Rahman
Mohd Izham Mohd A. Wahid
Mohd Afifullah Ahmad

Pereka Grafik

Mohd Fadli Abdullah

Pembaca Pruf

Nor Hafizah Arifin

Jurufoto

Mokhtar Ishak
Muhamad Adli Hashim
Krew Media Kreatif



Kandungan

- 6** Amanat Tahun Baharu 2016
Kesepakatan Perancangan Nilai, Kebersamaan
Pelaksanaan Kecemerlangan
- 11** MoA antara UMT dan TM Tingkat Kapasiti Jalur Lebar
- 12** Profesor Adjung Dato' Ghazali Dato' Mohd Yusof
CEO@Faculty UMT
- 14** Penyelidik UMT ikuti Pelayaran Saintifik ke Benua
Antartika
- 16** UMT Sertai Misi Bantuan Pelarian Syria
- 20** CDRS Perlu Cari Kaedah Segera Cegah
Hakisan Pantai
- 22** UMT Rangkul Anugerah MOOC Terbaik
- 24** Teknologi Augmented Reality dalam UMT Massive Open
Online Course (MOOC)
- 26** Kemajuan Industri Kejuruteraan dan Maritim Korea
Selatan
- 28** Entomologi UMT Pamer Keunikan Serangga
di Petrosains, KLCC
- 31** OTGA Training Course:
Quality Management Framework
- 32** Fish Jerky Johan Innovative Food and Beverages
Development Competition
- 33** PPAL dan YIT 2015
"Inovasi Guru KAFA Terengganu (I-KAFA)"
- 34** Gamelan UMT Juara Kategori Tradisional
Pertandingan Muzik Gamelan Kebangsaan 2015
- 34** UMT Pentaskan Teater Islam
Menunggu Kata dari Tuhan
- 36** Akar Kita Zapin Zon Timur
UMT Raih Johan dan Naib Johan
- 37** Lawatan Ilmiah Mahasiswa UMT
ke Kasetsart University
- 39** Renungan



Secangkir Kata

*Hidup ini hanya satu persinggahan...
Semuanya sudah ditentukan Tuhan...
Burulah kehidupan yang mencalit keberkatan...
Semoga kehidupan kita sentiasa dalam keredhaan...*

(Noraien Mansor, 7 Januari 2016)

Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera.

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah Yang Maha Esa, INFOKUS UMT kembali menemui pembaca setia. Sidang redaksi mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2016 kepada seluruh warga Malaysia, semoga tahun baharu menjanjikan sinar kebahagiaan, kecemerlangan dan keberkatan hidup di bawah lindungan Allah SWT.

Tirai 2016 sudah pasti disingkap bersama harapan untuk terus melangkah ke hadapan, melakar catatan, menggapai impian meneroka

pelbagai pembaharuan dengan penuh kreatif dan inovatif untuk memantapkan prestasi kerja demi memenuhi tanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara. Apa yang paling penting, kita perlu tahu apa sebenarnya yang kita mahu dalam hidup kita, apa sebenarnya keutamaan dalam hidup kita dan apa sebenarnya yang hendak kita laksanakan. Jika kita tiada hala tuju dalam kehidupan kita, sudah pasti kehidupan kita akan kabur dan akhirnya lebur bersama harapan dan impian yang tidak berkesudahan. Ayuh, layarkanlah kehidupan kita menuju ke muara kejayaan dan kecemerlangan yang tiada noktahnya.

PROFESOR MADYA DR. NORAIEN MANSOR

Sekapur Sirih



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia, Salam 1UMT dan Salam Sehati Sejiwa.

Pertamanya, suka saya menzahirkan rasa penuh kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah, kurnia dan izin-Nya, maka dapat kita bertemu kembali dalam INFOKUS Mac 2016.

Sebagaimana yang kita semua maklum, tahun 2015 telah kita lalui dengan pelbagai kejayaan, halangan dan juga rintangan. Suka saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua warga yang telah membawa nama UMT demi kejayaan. Diharapkan kejayaan ini akan memberi motivasi dan semangat kepada warga demi mengangkat nama universiti serta memainkan peranan dan hasrat universiti sebagai universiti awam yang berfokus marin terunggul dalam negara dan disegani di peringkat global.

Manakala tahun 2016 yang sedang kita harungi dengan penuh getir berikutan pengurangan sebanyak 23 peratus bajet universiti. Sebagaimana yang telah saya nadakan dalam Amanat Tahun Baharu Naib Canselor 2016, berikutan peruntukan kewangan yang begitu ketat akan menyaksikan kita terpaksa melaksanakan dasar mengoptimumkan sumber

perbelanjaan dan berfikir secara kreatif serta inovatif dalam melaksanakan tugas. Perancangan tahun 2016 adalah berpaksikan kepada Pelan Strategik UMT 2013-2017 yang disejajarkan bersama PPPM(PT) 2015-2025 dan KPI 2016 yang telah ditetapkan oleh KPT dengan mengambil kira kekangan kewangan yang dihadapi.

Akhir kata dari saya, amati dan selongkarlah tema dan teks syarahan amanat tahun baharu iaitu **“Kesepakatan Perancangan Nilai, Kebersamaan Pelaksanaan Kecemerlangan”**. Marilah kita bersama-sama melayarkan UMT agar sentiasa memandang ke hadapan di samping mempersiapkan diri dalam menempuh hari mendatang yang penuh dengan situasi yang cukup mencabar. Namun saya percaya apa jua rintangan dan cabaran yang bakal akan kita tempuhi ini, akan kita tempuhi dengan semangat kesepakatan perancangan nilai dan kebersamaan pelaksanaan yang tinggi demi memartabatkan nama Universiti Malaysia Terengganu.

Sekian.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Waramatullah Wabarakatuh.

PROFESOR DATO' DR. NOR AIENI HAJI MOKHTAR
Naib Canselor
Universiti Malaysia Terengganu

Amanat Tahun Baharu
NAIB CANSELOR 2016

**Kesepakatan
Perancangan
Nilai**

**Kebersamaan
Pelaksanaan
Kecemerlangan**



Amanat tahun baharu ini adalah satu acara tahunan universiti di mana kita berpeluang berkumpul sebagai keluarga besar yang mempunyai nilai kesepakatan dan kebersamaan dalam menggalas amanah membangunkan sektor pendidikan tinggi negara cemerlang.

Amanat saya pada tahun ini akan memberikan tumpuan kepada elemen perancangan pelaksanaan yang perlu diterajui oleh universiti sama ada di peringkat dalaman, kebangsaan, serantau mahu pun dalam konteks global.

Pelan Strategik UMT (PSUMT) 2013-2017 merupakan naskhah hala tuju UMT dalam usaha memainkan peranan dan hasrat universiti awam berfokus marin terunggul dalam negara dan disegani di peringkat global. Seiring dengan waktu, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) juga telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 (PPPM-PT) bagi memperkasakan pendidikan tinggi di Malaysia. Oleh itu, kesejajaran PSUMT dengan PPPM-PT adalah signifikan supaya kita dapat belayar pada kelajuan dan haluan yang sama.

PENCAPAIAN 2015

Penstrukturan Semula Governan Universiti

- Penstrukturan kembali governan sedia ada telah dilaksanakan mengikut fasa yang dirancang.

Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran

- UMT telah dipilih sebagai universiti perintis di samping lima universiti awam lain dalam pelaksanaan Intergrated Cumulative Grade Point Average (iCGPA).
- Hasil gabungan kepakaran kreatif, UMT telah memenangi Anugerah Massive Open Online Course (MOOC) terbaik

pada Karnival e-Pembelajaran Universiti-universiti Kebangsaan (NUCEL) 2015 dengan mengatasi universiti-universiti yang telah lama terlibat dalam MOOC.

- Teaching Accounting Firm (TAF) dengan kerjasama pintar UMT-Salihin Chartered Accountant telah diusahakan.
- UMT dan Taylor's University dipilih sebagai pencetus kepada hasrat kerjasama strategik antara universiti awam dan universiti swasta dalam perkongsian *Best Practices* melalui program flagship Kementerian Pengajian Tinggi iaitu Public-Private Partnership (PPP).

Pembangunan Pelajar

- Kejayaan seramai 54 orang anggota badan beruniform KOR SUK SIS UMT dalam temuduga pengambilan inspektor penuh membuktikan bahawa pelajar UMT mempunyai kemahiran kepimpinan yang tinggi dan mampu bersaing di pasaran kerja.
- Ketokohan pelajar UMT turut terserlah apabila dua pemimpin pelajar telah terpilih mengikuti Program Student Global Leadership di St. Hugh's College Oxford, United Kingdom.
- Kemampuan pelajar dalam bidang penyelidikan dan inovasi turut terserlah apabila berjaya meraih dua pingat emas, empat perak dan tujuh gangsa dalam Novel Research and Innovation Competition (NRIC) 2015.
- Penglibatan pelajar dalam bidang sukan juga tidak menghampakan apabila berjaya menggondol empat pingat emas, tiga perak dan lima gangsa dalam Karnival MASUM 2015.
- Dua orang pelajar UMT telah berjaya mewakili negara dalam bidang sukan di peringkat antarabangsa. Seorang pelajar telah meraih pingat perak dalam kejohanan *Chiangmai Open Softball 2015* manakala seorang

lagi berjaya meraih tempat ke 5 kategori *lightweight* dalam acara berkanu dalam Kejohanan Sukan SEA di Singapura.

Keterlihatan Pengantarabangsaan

- UMT telah dipilih European Commission (EC) untuk menawarkan program pengajian Master Sains Erasmus Mundus dalam bidang Tropical Biodiversity and Ecosystem (TROPIMUNDO).
- UMT telah diiktiraf sebagai Regional Training Center berkaitan Sains Marin di peringkat Asia Pasifik oleh Ocean Teacher Global Academy, UNESCO.
- Pangkalan Data Marin UMT di INOS diiktiraf sebagai Associate Data Unit (ADU) yang pertama di ASEAN di bawah International Oceanographic Information Data Exchange (IODE), UNESCO.
- Bersama dengan empat buah universiti luar negara iaitu Universiti Kagoshima, Jepun; Universiti Sam Ratulangi, Indonesia; Universiti Kasesart, Thailand dan Universiti Visayas Filipina, UMT telah berjaya menawarkan satu program sarjana iaitu Sarjana Sains Perikanan dan Tropika.
- British Council telah memilih UMT untuk menganjurkan bengkel "Early Career Links Scientists Workshop" bersama Heriot – Watt University, UK dengan pembiayaan penuh berjumlah £34,000.

Penyelidikan dan Inovasi

- UMT berjaya meraih 22 pingat daripada 25 penyertaan dengan enam pingat emas melalui tiga pameran penyelidikan – ITEX 2015, BIS 2015 dan PECIPTA 2015.
- Penyelidik Institut Penyelidikan Kenyir telah berjaya merakam dengan jelas tompokan hitam pada Harimau Kumbang

Melanistik di Tasik Kenyir.

Kejayaan rakaman ini merupakan kejayaan pertama di dunia.

- Kita juga berjaya mencipta inovasi baharu bersama Yayasan Coral Malaysia dengan pembinaan Pelantar Perladangan Karang. Inovasi ini merupakan satu platform untuk larva, merangsang pertumbuhan karang melalui proses kolonisasi dan membentuk terumbu karang dan seterusnya berfungsi sebagai habitat ikan dan menyumbang kepada ekonomi pesisir.
- Sea Turtle Research Unit (SEATRU) UMT telah diiktiraf United Nations Environmental Program (UNEP) sebagai salah satu institusi penyelidikan dan pemuliharaan penyu terbaik di Asia Tenggara. Pejabat Penasihat Sains kepada Perdana Menteri Malaysia juga telah memberi mandat supaya UMT mampenguruskan usaha ke arah ratifikasi Perundangan Antarabangsa Perlindungan Spesies Terancam.
- Kapal Penyelidikan UMT iaitu RV Discovery telah mencatat sejarah dalam Pelayaran Ekspedisi Sainifik Selat Melaka melalui pelayaran selama 80 hari sejauh 3000 batu nautika dengan melibatkan 49 saintis dalam tujuh bidang kajian.
- Kita telah berjaya menubuhkan Galeri Akuakultur pertama di Pantai Timur dan terpilih sebagai salah satu pakej *edu-tourism* yang ditawarkan oleh sembilan buah Universiti Awam Malaysia.
- Institut Akuakultur Tropika telah berjaya menubuhkan Skwad Forensik Akuakultur (FORAS). Skwad ini bertindak sebagai pasukan forensik akuakultur pertama di Semenanjung Malaysia yang menawarkan perkhidmatan diagnosa penyakit organisma akuatik dan kualiti air kepada penternak dan industri akuakultur di Malaysia.

- Santuari Kuda Laut UMT di Pengerang, Johor telah diiktiraf oleh The Malaysia Book of Records sebagai Santuari Kuda Laut Pertama di Malaysia.
- Kumpulan CUBE yang diterajui Pejabat Pendaftar telah berjaya memenangi pingat perak pada International Convention on Quality Control Circle (ICQCC) di Gyeongnam, Korea Selatan pada bulan Oktober 2015.
- Ekosistem Penyelidikan di Universiti Malaysia Terengganu pada tahun 2015 menunjukkan peningkatan memberangsangkan. Perolehan geran swasta dan antarabangsa lebih 100% berbanding tahun sebelumnya.
- Buku mewah UMT yang berjudul *Mud Crabs of Setiu Wetlands* telah dipilih sebagai pemenang Anugerah Buku Umum Terbaik (Kategori Alam Semula Jadi) di Anugerah Buku Negara 2015.

Inovasi Sosial

Beberapa projek inovasi sosial telah dilaksanakan sepanjang tahun 2015:

- Program Memperkasa Komuniti Kuala Besut melalui geran NBOS4, KPM berjumlah RM200,000.
- Program Transformasi Minda Psikospiritual Remaja Pesisir.
- Program pemuliharaan belangkas – *Horseshoe Crab: Going Nature in Kuala Kemaman, Terengganu*.
- Program Melestarikan Kehidupan Nelayan Ketam Bakau di Tanah Bencah Setiu.

HALA TUJU

Hala tuju yang dirancang pada tahun 2016 ini adalah berpaksikan Pelan Strategik UMT 2013-2017 yang diijarkan bersama PPPM (PT) 2015-2025. KPT telah menetapkan sasaran bagi tujuh KPI utama yang perlu dicapai oleh UMT.

- Pertama, meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan kepada 65%;

- Kedua, enrolmen pelajar antarabangsa sekurang-kurangnya 135 orang;
- Ketiga, penerbitan 1 artikel dalam jurnal terindeks bagi setiap pensyarah;
- Keempat, meningkatkan nilai sitasi kumulatif setiap pensyarah kepada 15;
- Kelima, mensasarkan 12% penjanaan pendapatan berbanding jumlah perbelanjaan operasi;
- Keenam, mengurangkan kadar keciciran pelajar kepada 3% dan meningkatkan iGoT pelajar prasiswa kepada 92%;
- Ketujuh, kita berhasrat untuk berada pada kedudukan 200 teratas dalam QS Global Ranking by Subject – Earth and Marine Science.

Melahirkan Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang

Kadar kebolehpasaran graduan pada tahun 2015 ialah 61.5% manakala KPI yang ditetapkan oleh KPT untuk tahun 2016 adalah 65%. Oleh itu, bagi mencapai sasaran ini, antara strategi yang akan dilaksanakan adalah:

- Menganjurkan Karnival Kerjaya secara besar-besaran peringkat zon Pantai Timur dengan kerjasama rapat bersama kerajaan negeri dan Sekretariat Skim Latihan 1Malaysia di bawah Jabatan Perdana Menteri yang dijadualkan pada 4-6 Mac 2016.
- Pusat pengajian dan Pusat Keusahawanan dan Kerjaya (CEC) perlu bersepakat untuk menjalin hubungan strategik bersama pihak industri.

Di dalam kita membicarakan soal kecemerlangan bakat, kumpulan profesional dan sokongan juga tidak harus dipinggirkan. Atas dasar ini, penubuhan Pusat Pembangunan Bakat Profesional khusus untuk menguruskan pembangunan kerjaya dan memperkasa kemahiran kumpulan ini telah diwujudkan.



Beberapa perkara utama perlu diberi perhatian oleh Pejabat Pendaftar seperti menggubal program latihan staf berdasarkan kepelbagaian kepakaran dan skop tugas dengan kerjasama AKEPT dan INTAN, pemetaan dan penjajaran fungsi, beban tugas dan skop kerja seseorang pegawai dan yang paling utama menggubal pelan penggantian khusus untuk staf profesional dan sokongan.

Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat

Bermula pada tahun ini, program pembelajaran sepanjang hayat akan dirancang dan dilaksanakan dengan lebih tersusun di bawah tanggungjawab Dekan Pusat Pendidikan Asas dan Liberal (PPAL).

Antara kursus pembelajaran sepanjang hayat yang berkait dengan kepakaran bidang tujuhan UMT adalah akuakultur (pemuliharaan belangkas, penternakan ketam nipah, penternakan ikan hiasan); agroteknologi (penternakan kelulut, penghasilan produk roselle, teknologi

makanan); kursus bahasa (Inggeris, Arab, Jepun, Mandarin dan lain-lain) dan penawaran program atas talian.

Penekanan perlu diberikan kepada penawaran kursus bahasa Inggeris bukan sahaja kepada pelajar UMT tetapi juga kepada masyarakat luar terutamanya negeri-negeri di Pantai Timur. Tanggungjawab ini perlu digalas oleh Pengarah *English Learning Center (ELC)* di bawah PPAL.

Mulai tahun ini juga, saya ingin Dekan PPPPM memastikan penawaran program MBA secara eksekutif di Lembah Kelang direalisasikan dengan menjadikan Pusat Komunikasi Strategik (PKS) Putrajaya sebagai Kampus Kota UMT bermula September 2016.

Mulai tahun 2016, KPT telah memperkenalkan program *2U2i (2 Universiti+ 2 Industri)*. *2U2i* merupakan program *Work Based Learning (belajar sambil bekerja)* di mana pelajar akan belajar selama dua tahun di universiti dan dua tahun menimba pengalaman industri. Sehubungan itu, suka saya

mencadangkan agar setiap pusat pengajian perlu mengambil inisiatif ini bagi memulakannya untuk penawaran September 2016 nanti.

Ekosistem Inovasi

Pada tahun ini, UMT akan memberi perhatian lebih serius dalam meningkatkan pencapaian MyRA melalui strategi penerbitan berimpak tinggi, meningkatkan jumlah geran penyelidikan antarabangsa, meningkatkan bilangan pasca kedoktoran, menjana pendapatan melalui hasil penyelidikan dan pengkomersialan. Kita sasarkan UMT mendapat MyRA 4 STAR menjelang 2017. Ini penting kerana peruntukan Inovatif dan Insentif berdasarkan prestasi dan pencapaian KPI.

Bagi menonjolkan penyelidikan dalam bidang tujuhan UMT, saya menyarankan supaya kita meningkatkan jalinan kerjasama bersama agensi yang berkaitan seperti UNESCO/Intergovernmental Oceanographic Commission in the Western Pacific (WESTPAC) ataupun ASEAN dengan menerajui jawatankuasa, majlis atau urus setia mesyuarat di peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang memberikan berimpak tinggi.

Syabas kepada sidang editorial *Journal of Sustainability Science and Management (JSSM)* kerana berjaya melonjakkan kedudukan *JSSM* ke tangga 21 daripada 56 jurnal di Malaysia berdasarkan kajian *SCImago Journal and Country Rank*. Namun saya percaya bahawa kita masih dapat meningkatkan lagi prestij jurnal ini dengan mencapai indeks ISI menjelang tahun 2018.

Keunggulan Global

Berdasarkan QS University Asian Ranking, UMT berada pada tangga 251-300 dalam kalangan universiti di ASEAN, berdasarkan subjek *Earth and Marine Science*, satu kedudukan yang boleh diperbaiki dengan meningkatkan

keterlihatan *niche* di dalam *citations* bagi subjek *Environment and Sustainability, Aquaculture* serta *Marine Biotechnology* di peringkat antarabangsa.

Program mobiliti pelajar akan diperkasa agar lebih ramai pelajar antarabangsa mengikuti program sangkutan berkredit di UMT. Sebagai langkah segera, kita perlu menggunakan kelebihan program Masters Tropimundo di UMT sebagai salah satu model program mobiliti berkredit.

Selain itu, UMT turut berpeluang meningkatkan mobiliti pelajar ke luar negara melalui dana ASEAN International Mobility for Students (AIMS) yang membolehkan pelajar prasiswazah mengikuti pengajian jangka pendek berkredit dalam bidang Sains Marin serta Sains Sekitaran dan Pengurusan di universiti berkaitan di ASEAN.

Di samping itu juga saya menyarankan agar setiap pusat pengajian dan institut kecemerlangan dapat meningkatkan bilangan tenaga akademik antarabangsa dan sasaran adalah seramai 10 orang di setiap pusat pengajian dan institut bagi tahun 2016-2017.

Pembelajaran dalam Talian Tahap Global

UMT telah menggerakkan usaha ke arah menyahut Lonjakan 9 PPPM (PT) 2015-2025: Pembelajaran dalam Talian Tahap Global dengan membangunkan empat kursus Massive Open Online Courses (MOOC) ini iaitu *Naval Architecture and Ship Building, Principles of Ecology, Software Engineering dan Sustainable Development*. Pada tahun ini universiti mensasarkan empat lagi kursus-kursus dalam bidang tujuhan

dapat dibangunkan sebagai program MOOC.

Untuk makluman semua, UMT telah diberi peluang oleh OpenLearning Global Sdn Bhd selaku penganjur program *MOOCs Competition Environmental Science & Technology 2016*. Program ini merupakan kerjasama dengan Taylor's University dan pihak National Geographic bagi penganjuran pertandingan tersebut pada tahun ini.

Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri

Bagi membina rangkaian dan menjalin hubungan erat UMT dengan industri, program Rakan@UMT akan diperkasakan dengan memberi peluang kepada pihak industri untuk membuka pejabat, makmal dan inkubator di dalam universiti. Jawatankuasa Bersama dan Dialog Universiti-Industri akan mengurangkan proses birokrasi sekaligus menggalakkan kemasukan pihak industri dalam menyumbangkan usaha terhadap kemajuan dan pembangunan program baharu universiti.

Kemampuan Kewangan

Untuk tahun 2016, UMT mensasarkan pendapatan sebanyak RM8 juta. Pelbagai aset dan fasiliti yang berpotensi dapat digunakan untuk menjana pendapatan melalui sewaan seperti kompleks sukan, asrama, makmal, bilik seminar dan peralatan penyelidikan.

Penjanaan pendapatan melalui pengkomersialan produk UMT masih boleh dipertingkatkan. Usaha mengkomersialkan produk penyelidikan UMT akan digiatkan melalui RMIC dan UMT Jaya

Holdings dengan kerjasama Teaching Accountancy Firm (TAF) yang mempunyai kepakaran dalam memadankan produk penyelidikan dengan industri.

UMT akan memperkemas strategi aktiviti pengkomersialan universiti melalui tiga domain yang memainkan peranan penting dalam usaha meningkatkan bilangan produk agar berada di pasaran tempatan mahupun antarabangsa serta penjana pendapatan. Tiga domain tersebut ialah pengukuhan produk, rakan industri/*smart partnership* dan kapasiti penyelidikan inovasi.

PENUTUP BICARA

Prestasi UMT pada tahun 2015 adalah amat membanggakan walaupun cabaran dan halangan adalah dari pelbagai pihak dan sudut. Bagaimanapun cabaran getir akan menanti kita pada tahun 2016, namun kita terpaksa melaksanakan dasar mengoptimalkan sumber perbelanjaan dan berfikir secara kreatif serta inovatif dalam melaksanakan tugas. Hasrat UMT ialah untuk memastikan semua pihak di UMT bersama-sama berganding bahu melakarkan kejayaan; agar kita terus bergerak atas daya usaha sendiri dan kerjasama sesama kita.

Semoga segala usaha murni perpaduan dan penyatuan hati kita ini mendapat keredhaan dan keberkatan dari Allah SWT. Insha-Allah.

** Teks penuh boleh dirujuk dalam buku Amanat Tahun Baharu 2016.*

MoA antara UMT dan TM Tingkat Kapasiti Jalur Lebar

oleh: Pusat Pengurusan Teknologi Maklumat



Telekom Malaysia Berhad (TM) telah menjadi penyedia perkhidmatan Internet (*Internet Service Provider*) kepada UMT sejak tahun 2000 dengan kapasiti permulaan iaitu 2 Mbps (Megabit Per Saat). Seterusnya kapasiti perkhidmatan ini dipertingkatkan sehingga kini, kepada perkhidmatan jalur lebar 1 Gbps (Gigabit Per Saat).

Peningkatan kapasiti jalur lebar ini selari dengan keperluan sumber akses Internet oleh warga UMT dalam melancarkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan di samping keperluan pentadbiran dan pengurusan universiti.

Majlis MoA antara UMT dan TM

Perjanjian (MoA) Pembekalan Perkhidmatan Internet 1Gbps bagi tempoh 5 tahun (2015-2020) ini telah ditandatangani antara UMT dan TM pada 17 Disember 2015. Majlis memeterai perjanjian ini telah diwakili oleh Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni binti Haji Mokhtar, dan Naib Presiden TM Sektor Kerajaan, Encik Hamdan bin Ismail. Majlis

Penandatanganan ini turut disaksikan oleh Pengarah Pusat Pengurusan Teknologi Maklumat, UMT, Prof. Madya Dr. Muhammad Suzuri bin Hitam, dan Pengurus Besar TM Negeri Terengganu, Tuan Haji Hamidun bin Ismail.

Sokongan Kerajaan Negeri

Pengerusi Jawatankuasa Transformasi Kerajaan, Komunikasi dan Multimedia Negeri Terengganu merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Berangan, YB A Latiff bin Awang turut serta menyerikan majlis. Antara intipati kandungan ucapan beliau adalah mengharap hasil daripada kerjasama pintar ini, bukan sahaja memberi impak yang besar kepada seluruh warga UMT malah masyarakat sekitar Kuala Nerus.

Penambahan pembekalan kapasiti jalur lebar Internet kepada UMT oleh Telekom Malaysia secara tidak langsung menjadikan daerah ini dilengkapi dengan keupayaan kapasiti jalur lebar yang lebih baik berbanding dengan tempat-tempat lain di Terengganu.

Beliau turut menyokong segala aktiviti yang memberi impak positif kepada negeri secara amnya.

Harapan

Adalah menjadi harapan UMT dengan menandatangani perjanjian ini, pihak Telekom Malaysia Berhad kini merupakan rakan industri utama kepada UMT khususnya dalam pembekalan perkhidmatan jalur lebar Internet kepada UMT.

UMT berharap kerjasama pintar berasaskan komunikasi dan teknologi maklumat seperti ini akan dapat dipertingkatkan lagi di masa akan datang.

UMT juga mengalu-alukan sebarang idea dan buah fikiran oleh pihak Telekom Malaysia khususnya menjadikan UMT sebagai salah satu hub komunikasi dan teknologi maklumat di Pantai Timur.

Telekom Malaysia Berhad juga dialu-alukan untuk mengambil UMT sebagai universiti angkat dalam usaha menyebarkan teknologi ICT semasa kepada warga kampus dan masyarakat setempat khususnya di Kuala Nerus ini.

Profesor Adjung Dato' Ghazali Dato' Mohd Yusof CEO@Faculty UMT

oleh: Prof. Madya Dr. Noraien Mansor
Mohd Afifullah Ahmad | Penerbit UMT

Aspirasi Kementerian Pendidikan Tinggi adalah untuk mewujudkan sistem pendidikan tinggi yang terbaik yang membolehkan Malaysia bersaing dalam ekonomi dunia. Demi mencapai hasrat ini, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi) turut bermatlamat untuk memupuk minda keusahawanan dalam seluruh sistem pendidikan tinggi, dan mewujudkan sistem pendidikan yang melahirkan graduan berciri keusahawanan dan bukan hanya mencari kerja semata-mata.

Dibarisi ikon-ikon korporat terunggul, Program CEO@Faculty diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi bagi mewujudkan sinergi antara pemain industri dan universiti. Usaha sama ini dijangka dapat memperkasa kaedah pembelajaran dan pengajaran yang berteraskan industri bagi melahirkan graduan berkebolehpasaran dan juga berminda keusahawanan. UMT amat bertuah menerima mentor yang merupakan tokoh korporat terkemuka iaitu, Profesor Adjung Dato' Ghazali Dato' Mohd Yusof. Beliau dipilih sebagai CEO@Faculty di UMT selama tempoh 2 tahun bermula pada 2015 hingga 2016.

Sekolah di Terengganu

Mengimbu kenangan peribadi beliau, Pengerusi Eksekutif dan Pengarah Urusan Nusantara Technologies Sdn. Bhd ini merupakan anak kelahiran Melaka dan pernah menetap di bumi Terengganu serta bersekolah di Sekolah Menengah Sultan Sulaiman sewaktu ayahanda beliau ditugaskan di Terengganu. Dato' Ghazali kemudian menamatkan persekolahan Tingkatan Lima di Victoria Institution, Kuala Lumpur dan memasuki Tingkatan Enam di Anderson School, Ipoh. Setelah itu, beliau menyambung pengajian peringkat ijazah pertama di Universiti Malaya dalam bidang Ekonomi dan juga Geografi.

Dato' Ghazali turut memiliki kemahiran bermain alat muzik. Kehebatan bermain piano sewaktu di Lake Club Kuala Lumpur, telah memberi peluang kepada beliau mengecap dunia pekerjaan di Dunlop Malaysia Industries Berhad. Memiliki karisma kepimpinan dan pengurusan yang tinggi, beliau mengakhiri kerjaya di Dunlop Malaysia sebagai Pengurus Besar setelah 29 tahun berkhidmat. Kemudian, beliau terjun ke bidang perbankan dengan menyertai Arab-Malaysian Bank Group dan dilantik sebagai Ketua Eksekutif Kumpulan. Oleh kerana minat dan pengalaman beliau

“...Tidak sesekali melupakan asal usul dan turut menekankan bahawa ilmu pengetahuan itu adalah harta kekayaan tetapi harta tersebut tidak berguna sekiranya tidak dikongsi. Jika dikongsi, harta kekayaan itu akan bertambah.”-pesanan ayah Dato' Ghazali

dalam dunia perniagaan, beliau menubuhkan Nusantara Technologies Sdn. Bhd., sebuah firma perniagaan yang berteraskan perkhidmatan kawalan dan jaminan kualiti.

Profesor Adjung 12 Universiti

Di sebalik kehebatan beliau sebagai pemain industri yang disegani, beliau turut menyumbang kepakaran dan memberi khidmat nasihat serta pengalaman untuk digunakan dalam bidang akademik demi melahirkan graduan berintelekt tinggi. Ini dapat dilihat menerusi penglibatan beliau sebagai penasihat bagi jaringan universiti-industri di Universiti Utara Malaysia, Universiti Teknologi MARA dan Universiti Malaysia Pahang. Kredibiliti beliau tidak boleh disangkal apabila beliau turut dilantik sebagai Profesor Adjung di lebih 12 universiti dalam dan luar negara.

Sumbangan beliau dalam bidang akademik tidak terbatas di situ dan

demikian demi mendapatkan rezeki yang halal dan berkat, Dato' Ghazali menerapkan nilai-nilai keislaman dalam setiap perkara yang dilakukannya. Antaranya, beliau menyuntik dana bagi memacu projek penyelidikan di universiti dengan menubuhkan beberapa Kursi di universiti awam seperti Kursi Nusantara Al-Ghazali di Universiti Teknologi Malaysia dan yang terbaharu Kursi Maritim di Universiti Malaysia Terengganu. Bagi Dato' Ghazali, sedekah itu adalah sesuatu yang penting kerana apa yang dikeluarkan akan datang berganda.

Suntik Dana

Program CEO@Faculty di UMT memberi lebih peluang untuk memperkasa bidang ilmu kelautan. Tambahan pula, Dato' Ghazali sendiri turut meminati bidang kelautan dan terlibat dalam pembangunan universiti maritim di Makasar, Indonesia. Selain lautan samudera luas yang menjadi identiti negeri Terengganu, beliau turut tertarik kepada biodiversiti Tasik Kenyir yang kini giat diusahakan oleh para penyelidik UMT untuk diiktiraf sebagai Geopark. Untuk itu, melalui Nusantara Technologies Sdn. Bhd, suntikan dana sebanyak RM1.2 juta telah diberi kepada UMT sempena penubuhan Kursi Maritim dan mempertingkatkan kelengkapan makmal Institut Penyelidikan Kenyir.


Melalui syarikat korporat beliau, jaringan antara universiti, industri dan komuniti dapat diperluas menerusi platform CEO@Faculty. Bagi beliau, kerjasama seumpama ini perlu berterusan bagi membangunkan ekonomi negara dan secara tidak langsung memberi imbuhan kepada komuniti. Sebagai antara bumiputera yang berjaya, Dato' Ghazali berpendapat orang Melayu jika diberi dorongan dan bimbingan yang betul mampu mencapai tahap kelas dunia.

Ketulusan hati Dato' Ghazali dalam berkongsi kepakaran dan kehebatan yang dimilikinya didorong oleh kata-kata azimat yang ditinggalkan oleh ayah beliau bahawa kehebatan kita pada hari ini adalah atas keizinan Allah SWT. Ayah beliau turut berpesan agar tidak sesekali melupakan asal usul dan turut menekankan bahawa ilmu pengetahuan itu adalah harta kekayaan tetapi harta tersebut tidak berguna sekiranya tidak dikongsi. Jika dikongsi, harta kekayaan itu akan bertambah.



Penyelidik UMT Ikuti Pelayaran Saintifik ke Benua Antartika

oleh: Dr. Wan Mohd Rauhan Wan Hussin |
Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur





Penyelidik UMT, Dr. Wan Mohd Rauhan Wan Hussin bersama tujuh lagi penyelidik daripada enam Universiti Awam dan Swasta telah berpeluang mengikuti pelayaran saintifik selama 22 hari ke Benua Antartika. Kumpulan penyelidik ini terlibat dalam pelbagai bidang penyelidikan.

Program Ekspedisi Penyelidikan Antartika Malaysia 2016 ini menelan kos sebanyak RM450,000.00 yang dibiayai oleh geran penyelidikan Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) dan mendapat kerjasama daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Selain Dr. Rauhan, penyelidik lain yang mengikuti ekspedisi ini ialah, Dr. Mohamad Huzaimy Jusoh (UiTM), Dr. Goh Thian Lai dan Dr. Mohd Shahrul Mohd Nadzir (UKM), Dr. Emienour Muzalina Mustafa (UM), Dr. Foong Swee Yeok dan Muhamad Hilal Mohd Zainudin (USM) serta Aniqah Zulfa Abdul Latif (IMU).

18 Januari 2016

Hari ini jam 10.00 pagi waktu tempatan (9 malam waktu Malaysia) kami akan memulakan pelayaran ke Antartika. Pelayaran akan mengambil masa lebih kurang 4-5 hari untuk sampai. Kumpulan penyelidik ini tiba di Lapangan Terbang Ushuaia. Kami ini berkesempatan untuk berjalan-jalan di sekitar Bandar Ushuaia (The

southernmost city in the world). Kami memulakan pelayaran dari pelabuhan Ushuaia. Kami belayar menggunakan kapal *Australis*.

Kapal *Australis* dilengkapi dengan kemudahan asas seperti ruang dapur, bilik tidur, ruang perbincangan dan bilik air yang selesa untuk kemudahan penyelidik semasa mengikuti pelayaran. Kapal ini sepanjang 23 meter.

Pada jam 1.00 tengah hari waktu tempatan (18 Januari 2016) kami memulakan pelayaran melalui Beagle Channel. Selepas 13 jam pelayaran, kami terpaksa berpatah balik masuk semula ke Chennel dan singgah di Puerto Williams, Chile untuk berlindung kerana berhadapan dengan cuaca buruk. Satu pengalaman baharu buat kami semua.

Apabila sampai di Antartika, stesen pertama yang kami temui adalah Stesen Korea, King Sejong Station. Kami bermalam selama satu malam di stesen ini. Di sini terdapat kemudahan internet. Selepas itu, kami bergerak ke tujuh stesen yang lain. Sehingga pada 2 Februari 2016, kami kembali semula ke King Sejong Station.

****Dr. Wan Rauhan akan menceritakan pengalaman lengkap beliau kepada pembaca pada INFOKUS UMT keluaran Jun 2016.*

PROHIBIDO EL TRANSPORTE DE CARGA MAXIMA 200 KGS. DEJAR EN EL ESTACIONAMIENTO. DO NOT TRANSPORT FUEL. MAXIMUM LOAD 200 KG. PLEASE RETURN TO CAR PARK.



UMT Sertai Misi Bantuan Pelarian Syria

oleh: Faizah Ismail | Pusat Islam Sultan Mahmud UMT

INFOKUS UMT kali ini memaparkan catatan pengalaman Pegawai Hal Ehwal Islam UMT, Ustazah Faizah Ismail yang diberikan kesempatan menyertai misi bantuan kepada Pelarian Syria di Jordan pada 16 sehingga 24 Disember 2015. Beliau telah menyertai Misi *Gifts of Smiles 2.0* di bawah projek Winter Relief MyCARE. Beliau turut berpeluang membawa sumbangan orang ramai termasuk warga UMT untuk menyampaikan bantuan kemanusiaan kepada pelarian Syria. Ikutilah catatan pengalaman emas beliau di bumi Jordan.

17 Disember 2015

Alhamdulillah kami tiba di Jordan pada jam 4.30 pagi dan disambut oleh adik-adik i4Syria Jordan. Usai solat Subuh di Lapangan Terbang Queen Alia, kami dibawa ke rumah Dr. Puteri Melur di Amman untuk bersarapan dan mempersiapkan diri untuk memulakan misi *Gifts of Smiles 2.0*. Suhu dingin sehingga mencecah 5°C tidak melemahkan semangat kami. Setiap ahli misi saling memberikan kata-kata peransang kepada yang lain.

Sebagaimana dirancang, kami dibawa ke Pejabat Kedutaan

Malaysia di Jordan pada jam 8.30 pagi. Perjumpaan dengan TYT Duta Malaysia menampakkan pihak Kedutaan Malaysia amat menyokong usaha-usaha kemanusiaan sebegini termasuk memuji sikap dan kesungguhan pelajar-pelajar Malaysia di Jordan dalam melaksanakan program-program kemanusiaan. Kerajaan Jordan juga amat mengalu-alukan dan telah menubuhkan NGO untuk mengkoordinasikan segala bantuan kemanusiaan di Jordan agar lebih efektif dan lebih ramai pelarian dapat disantuni.



Lokasi 1: Markaz 1 @ Pejabat Syrian Women Association (SWA)

Kami meneruskan perjalanan ke Markaz atau Pejabat Syrian Woman Association (SWA). Markaz kelolaan Ummu Abduh (Intisar) ini merupakan tempat projek kemahiran kepada balu-balu syuhada. Bangunan dua tingkat yang baru disewa bermula 2014 ini terdiri dari bilik-bilik dan ruang pejabat yang tampak kemas dan tersusun. Sebelum ini SWA menyewa bangunan lain yang lebih kecil berbanding sekarang.

SWA ditubuhkan 9 tahun yang lalu selepas krisis Hamma. Lebih ramai meninggalkan Syria selepas Bashar memerintah. Kawasan tersebut diduduki oleh ramai pelarian Syria dengan menyewa. Pelarian mendapat bantuan kewangan yang terhad melalui SWA. Bantuan diperoleh daripada orang ramai dan negara-negara luar. Pelarian yang berdaftar (mempunyai kad pendaftaran sebagai pelarian) TIDAK dibenarkan bekerja di Jordan. Fokus utama SWA ialah membantu pelarian wanita Syria dan kanak-kanak dengan memberi peluang pekerjaan dan memberi kemahiran yang diperlukan untuk menjana pendapatan seperti kelas-kelas pengajian, bengkel jahitan, bengkel masakan dan bengkel kecantikan.

Kesempatan berada di Markaz 1, kumpulan misi ini berpeluang berkongsi ilmu dan kepakaran kepada semua penghuni markaz ini. Antara program yang dilaksanakan ialah *Sharing Breastfeeding*, *Sharing Trash to Cash* dan sesi Sesi Audit SWA.

Semasa majlis penutup di sini, kami dihiburkan oleh beberapa orang kanak-kanak telah membuat persembahan hafazan dan pidato dengan penuh bersemangat.

Lokasi 2: Kem Haddad, Mafraq 18 Disember 2015

Dalam kedinginan pagi kami bergerak ke kem yang pertama iaitu kem Haddad di Mafraq.





Misi kami membawa dua koster, satu kereta, satu van dan satu lori membawa bantuan bersama 25 orang sukarelawan dari pelajar-pelajar Malaysia di Jordan yang merupakan sukarelawan i4Syria Jordan. Ketibaan kami disambut riang oleh kanak-kanak dan pelarian-pelarian yang menghuni kem tersebut.

Bagi melancarkan lagi perjalanan misi ini, ahli misi telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan iaitu kumpulan karyawan, media, medic dan sumbangan. Kumpulan ini turut oleh para sukarelawan. Keadaan di kem ini agak tidak terurus, beberapa penemuan menyayat hati telah dilaporkan oleh ahli misi, diantaranya ialah;

- Kanak-kanak mengalami masalah kulit disebabkan angin yang terlalu sejuk.
- Ada khemah yang masih menggunakan pemanas lama iaitu menggunakan kayu api dan masih ada khemah yang tidak mempunyai pemanas.
- Tandas di luar yang terhad, kelihatan seorang kanak-kanak membuang air di luar tandas, memandangkan tandas yang berdekatan digunakan.

- Air yang terhad menyebabkan mereka tidak mandi dalam tempoh yang lama, kanak-kanak tampak tidak terurus dengan rambut yang kusut masai.
- Seorang wanita dilihat membasuh beberapa pinggan mangkuk menggunakan air yang sedikit dengan sangat berhati-hati, khuatir jika air tertumpah dan menyebabkan pembaziran.
- Kanak-kanak dilihat mengerumuni dapur gas semasa ibunya memasak untuk memanaskan badan.
- Ada khemah yang koyak dan tidak dijahit.
- Kemudahan selimut tebal yang terhad dan tidak mencukupi untuk sebuah keluarga.
- Ramai warga emas yang menghidap sakit tulang belakang disebabkan oleh cuaca yang sejuk.
- Ramai pelarian menghidap gastrik, mungkin disebabkan oleh pengambilan ubat tahan sakit atau mungkin juga disebabkan oleh kekurangan makanan.

Kami telah menyampaikan bantuan sumbangan kepada 25 buah keluarga dan wang tunai sebanyak JD 970 untuk pembelian *heater*/pemanas. Selain pengagihan bantuan, kami turut mengadakan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan bagi menyalurkan ubat-ubatan yang disumbangkan dari Malaysia. Kami juga tidak melepaskan peluang untuk bersama-sama meraikan kanak-kanak Syria di sana dengan mengadakan beberapa aktiviti dan permainan yang bersesuaian. Antara yang menarik dan mendapat sambutan ialah membuat kempen membasuh tangan dan menggosok gigi dengan betul. Kelihatan di wajah mereka riak wajah yang gembira semasa kehadiran kami dan hampir semua kanak-kanak di situ turut sama menyertai aktiviti yang dijalankan seperti melukis, meniup belon, sukaneka, bergambar dan menyanyi.

Lokasi 3: Kem Janubi Saadiah, Mafraq

Selepas makan tengah hari dan solat, kami bergerak ke Kem Janubi Saadiah, Mafraq. Kem ini nampak lebih kemas berbanding kem pertama. Sebahagian



wanita menghias khemah dengan renda dan bunga berwarna-warni. Antara keadaan yang dilaporkan oleh ahli misi di kem ini ialah;

- Kemudahan asas di kem masih terhad.
- Seorang wanita memasak ubi kentang dan tomato yang dipotong-potong untuk makan tengah hari, tiada nasi, roti, daging atau ayam sebagaimana kebiasaannya.
- Seorang wanita (Anwar) menyatakan sentiasa bersedih kerana ayahnya masih di Syria.
- Dari sudut kesihatan, didapati ramai kanak-kanak mengalami masalah kulit manakala pelarian dewasa mengalami gastrik dan sakit belakang.
- Seorang wanita bersama anak kecil, berusia tiga bulan, ditanya anak ke berapa, katanya anak ke-10 dan beliau menceritakan kesukaran menjaga anak yang ramai di kem tersebut.

Kami telah menyampaikan bantuan sumbangan kepada 35 buah keluarga dan wang tunai sebanyak JD 1450 untuk pembelian *heater/* pemanas. Pemeriksaan kesihatan dan pemeriksaan gigi turut diadakan di kem ini. Sekali lagi kami juga tidak melepaskan peluang untuk bersama – sama meraikan kanak-kanak Syria di sana dengan mengadakan beberapa aktiviti dan permainan yang bersesuaian.

Lokasi 4: *Talent Time* untuk Sekolah Qamiem

19 Disember 2015

Kami amat bertuah kerana pada hari ini kami dijemput untuk menyaksikan *Talent Time* bagi sekolah Qamiem. Ramai anak-anak pelarian yang tidak mempunyai ruang, peluang, mahupun wang untuk ke sekolah. Demi masa depan anak-anak Syria ini, Sekolah Qamiem ini telah ditubuhkan atas inisiatif Malaysian Arabian Cultural Society (MACS).

Kami menyaksikan anak-anak Syria ini membuat persembahan *public speaking, story telling* dan persembahan teater yang sungguh mempesonakan. Paling menarik, persembahan teater Melayu bertajuk “Si Tanggang” dipersembahkan oleh anak-anak Syria ini di dalam bahasa Arab dengan mengenakan pakaian orang Malaysia.

Majlis berakhir dengan majlis penyampaian hadiah dan penyampaian cenderamata kepada pihak MACS. Kami juga telah menyampaikan sumbangan sebanyak 200JD untuk menaja acara *Talent Time* di sekolah Qamiem ini, yang mempunyai objektif membina keberanian dalam diri kanak-kanak pelarian Syria, melatih kemahiran berpidato dalam bahasa ibunda dan bahasa antarabangsa (English), dan menjadi sekolah pertama yang membudayakan amalan berpidato di Irbid, Jordan. Sesungguhnya anak-anak kecil ini sangat berbakat, bersemangat, berani serta bercita-cita tinggi.

Lokasi 5: Pejabat Persatuan Kebangkitan Wanita dan Kem Husn, Irbid

Pada sebelah petang kami terus ke pejabat Persatuan Kebangkitan Wanita dan kem pelarian Syria di Irbid iaitu Kem Husn. Kem ini juga dikenali dengan kem as-Syahid Al-Azmi Al-Mufti. Hampir 5000 orang pelarian berada di kawasan ini. Kami diberi taklimat oleh pengerusi persatuan tersebut iaitu Cik Ameena dan seterusnya melawat projek mukhalal (jeruk), iaitu projek kerjasama i4Syria Jordan dan Persatuan Kebangkitan Wanita. Di akhir majlis, kami telah menyampaikan sumbangan kepada 30 buah keluarga bersama wang tunai berjumlah JD 1500.

Setelah itu kami dibawa menziarahi dua buah keluarga pelarian di kem ini. Walaupun mereka tinggal di dalam rumah, namun keadaan rumah amatlah daif, rumah mereka sempit dengan kemudahan asas yang terhad.

Pada malamnya, Ketua Misi Puan Mas Ahmah Jonid, dan Timbalan Ketua Misi, Dr. Hafizul Amin telah menjadi ahli panel bagi forum kemanusiaan bersama pelajar-pelajar Malaysia di Amman, yang berjudul; *Love & Humanity*. Forum ini bertujuan menyemarakkan lagi semangat kesukarelawanan dan bantuan kemanusiaan dalam kalangan pelajar Malaysia di Jordan. Susulan daripada forum tersebut, ramai pelajar telah mendaftar menjadi sukarelawan i4Syria Jordan.

Hari-hari terakhir misi di isi dengan sesi lawatan tempat-tempat bersejarah di sekitar Petra dan Amman, bagi mengatasi trauma yang dihadapi ahli misi melihatkan kehidupan pelarian, serta mengganjari ahli misi yang telah mengeluarkan perbelanjaan sendiri untuk tambang misi ini. Semoga amal-amal ini diterima Allah SWT, insya-Allah.

CRDS perlu cari kaedah segera cegah hakisan pantai

oleh: Mohd Izham Mohd A Wahid | Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan
Foto: Media Kreatif dan INOS UMT



Kejadian ombak besar yang mengakibatkan hakisan berskala besar di sepanjang pantai UMT dan sekitar pantai Mengabang Telipot terus menimbulkan kegusaran dan masalah kepada warga kampus dan masyarakat sekitar. Dalam kejadian pertengahan Januari yang lalu, fenomena ombak besar telah mengakibatkan kejadian hakisan pantai antara yang terburuk di sepanjang pantai UMT dalam tempoh dua tahun berturut-turut.



Cabaran ini perlu disahut oleh Pa melalui Coastal Disaster Risk S terbaik termasuk kerjasama pintar. Kepakaran yang dimiliki ini perlu jalan pantas



Meskipun projek pencegahan hakisan giat dilaksanakan oleh Jabatan Perairan dan Saliran (JPS), namun ia masih belum berupaya membendung kejadian hakisan yang merebak melangkaui kawasan projek pembinaan pemecah ombak.



Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS) merekodkan tiupan angin kencang berkelajuan 60 kilometer sejam berupaya menghasilkan ombak setinggi 4.5 meter pantai UMT dan Mengabang Telipot. Kawasan sekitar masa tersebut dengan ombak semakin mencecah menghubungkan asrama pelajar dan bangunan di P



YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar, Naib Canselor dan pasukan CDRS yang diketuai oleh Prof. Ir. Dr. Ahmad Jusoh turut meninjau kawasan sekitar kampus yang terjejas teruk serta meninjau keadaan kediaman penduduk di Mengabang Telipot. Seramai hampir 30 keluarga di Mengabang Telipot terjejas teruk dengan kediaman mereka tidak lagi boleh diduduki. Beliau turut mengarah pasukan bertindak khas CDRS ini membantu pihak berkuasa tempatan untuk sama-sama memikirkan kaedah terbaik dalam mengemukakan pelan tindakan pembaikan dan pencegahan yang berkesan kepada Kerajaan Negeri.

pasukan Bertindak Khas yang ditubuhkan oleh UMT Solution (CDRS) bagi mencari jalan dan formula dengan pihak berkuasa dan masyarakat tempatan. digembleng sepenuhnya bagi mencari kaedah dan terbaik untuk mengatasinya.



fenomena air pasang besar dan pada 24 – 27 Januari 2016 lalu telah melanda sepanjang pesisir kampus UMT turut terjejas pada laluan utama pejalan kaki yang Pusat Pengajian Sains Asas (PPSA).

Kerugian dan kemusnahan ini mampu diramal lebih awal bagi membantu usaha pencegahan di samping faktor pembinaan terkawal bagi meredakan fenomena alam. Usaha berterusan perlu dirangka lebih awal supaya kejadian seumpama ini dapat dibendung dan langkah yang betul diambil oleh semua pihak yang terlibat.



UMT Rangkul Anugerah MOOC Terbaik

oleh: Dr. Noraida Haji Ali
Rabiatul Addawiyah Hanim Mohd. Rosli | Pusat Perancangan, Pembangunan
dan Kualiti Akademik

National University Carnival on e-Learning 2015 (NUCEL 2015) atau Karnival e-pembelajaran Universiti Peringkat Kebangsaan, telah diadakan pada 14-15 Disember 2015 di Universiti Pendidikan Sultan Idris. NUCEL 2015 telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi, YBhg. Dato' Profesor Dr. Asma Ismail.

NUCEL ini dianjurkan setiap tahun sebagai menyokong salah satu

dari *Big Idea* bagi memperkasa kualiti pengajian tinggi iaitu Globalized Online Learning (GOL). Karnival ini merangkumi tiga aktiviti utama iaitu; pameran, pertandingan dan anugerah e-Pembelajaran tahunan di peringkat nasional, dikenali sebagai Anugerah e-Pembelajaran Negara (AeN). Ia diperkenalkan dan diberikan sebagai menghargai individu, organisasi, industri dan universiti yang mempamerkan pencapaian cemerlang dalam aplikasi e-Pembelajaran, praktis terbaik dan

sumbangan yang tinggi kepada pembangunan e-Pembelajaran di peringkat pengajian tinggi negara.

Kumpulan UMTMOOC yang diketuai oleh Dr. Noraida Haji Ali, selaku Ketua unit e-Pembelajaran, Pusat Perancangan, Pembangunan dan Kualiti Akademik, UMT telah mengambil bahagian dalam NUCEL 2015 dengan menyertai tiga aktiviti utama iaitu pencalonan Anugerah MOOC terbaik, Anugerah Pengurusan e-Pembelajaran terbaik dan pertandingan Innovation,



Pingat Perak dalam Pertandingan Innovation, Invention and Design in E-Learning (IIDEL)

Tajuk inovasi: *ARMADANET- Collaborative multi-institution MOOC in Malaysia.*

Inovasi ini merupakan penyelidikan yang dijalankan oleh Dr. Noraida Haji Ali, Mohd. Hafriz Nural Azhan dan Prof. Madya Dr. Mustafa Man. ARMADANET yang menggunakan platform Moodle merupakan platform yang dibangunkan bagi membolehkan sistem pengurusan pembelajaran di institusi pengajian awam di hubungkan antara satu sama lain. Pelaksanaan ini akan memberikan kemudahan kepada setiap institusi berkongsi atau menawarkan kursus yang melaksanakan OCW/MOOC diplatform masing-masing dengan lebih berkesan.

Selain daripada itu, UMT juga telah mengambil bahagian dalam pameran NUCEL 2015. Pameran UMT mendapat sambutan dengan dikunjungi oleh ramai pengunjung bagi mencuba aplikasi mudah alih UMTMOOC-AR yang turut dipamerkan pada pameran kali ini. Dalam masa yang sama, pameran ini dapat mempromosikan UMT dan juga kursus-kursus UMT Massive Open Online Course (MOOC).

Tahniah dan syabas kepada kumpulan UMTMOOC yang terdiri daripada JK Induk UMTMOOC yang dipengerusi oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMT, Jawatankuasa Pelaksana SME (*Subject Matter Expert*) UMTMOOC yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah dari empat pusat pengajian yang terlibat dan staf di unit e-pembelajaran dan kumpulan produksi, Pusat Komunikasi Korporat. Terima kasih atas sokongan, kerjasama dan komitmen yang telah diberikan bagi merealisasikan UMTMOOC ini.

Invention and Design in E-Learning (IIDEL). Bagi kategori Anugerah Massive Open Online Course (MOOC) terbaik, sebanyak 15 pencalonan dari Universiti Awam dan Universiti Swasta yang turut menyertai untuk anugerah ini. Alhamdulillah, UMT telah merangkul Anugerah e-Pembelajaran Negara bagi Kategori MOOC Terbaik dan satu pingat perak.

Anugerah MOOC Terbaik

Empat kursus UMTMOOC yang telah dibangunkan mempunyai keunikannya tersendiri. Selain daripada kandungan kursus yang ada seperti reka bentuk penyampaian kandungan dan video pengenalan kursus, satu aplikasi mudah alih (*Mobile apps*) juga dibangunkan dengan menggunakan teknologi *Augmented Reality*. Aplikasi ini diberi nama sebagai UMTMOOC-AR dan di peringkat permulaan, ia digunakan untuk memperkenalkan

semua kursus UMTMOOC sebagai langkah promosi. Kaedah ini akan diperkembangkan dengan menghasilkan UMTMOOC-AR dalam bentuk buku untuk kegunaan pembelajaran dan pengajaran dalam masa terdekat.

Empat kursus UMTMOOC tersebut adalah:

- *Software Engineering* – Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan
- *Sustainable Development* – Pusat Pendidikan Asas dan Liberal
- *Naval Architecture and Ship Building* – Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan
- *Principles of Ecology* – Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran

Semua kursus ini boleh dicapai melalui pautan di bawah: www.openlearning.com/umtmooc

Teknologi *Augmented Reality* dalam **UMT Massive Open Online Course (MOOC)**

oleh: Dr. Noraida Haji Ali
Rabiatul Addawiyah Hanim Mohd. Rosli | Pusat
Perancangan, Pembangunan dan Kualiti Akademik

Konsep teknologi *Augmented Reality* (AR) mula diperkenalkan oleh Morton Heilig, seorang *cinematographer* pada tahun 1950-an. AR boleh ditakrifkan sebagai satu sistem yang memenuhi tiga ciri asal gabungan dunia nyata dan maya, interaksi secara nyata, dan pendaftaran objek maya 3D dan nyata. AR boleh diwujudkan dengan menggabungkan pelbagai teknologi dan mempunyai potensi yang besar untuk menyokong pembelajaran dan pengajaran. Teknologi AR ini dapat membantu pelajar melibatkan diri dalam penerokaan dunia sebenar, dan objek maya seperti teks, video, dan gambar-gambar. Penggunaan AR kini banyak digunakan dalam pelbagai bidang terutama dalam perubatan, kejuruteraan, hiburan dan robotik. Kini perkembangan AR diteruskan dalam pelbagai bidang lain seperti promosi, permainan digital, pembelajaran dan sebagainya.




Manakala Massive Open Online Course (MOOC) merupakan satu kaedah pembelajaran terkini bagi kursus di universiti yang ditawarkan secara atas talian dan boleh diakses di seluruh dunia. Pendekatan ini sudah lama diperkenalkan dan diamalkan oleh universiti-universiti di luar negara. Ini juga bersesuaian dengan 10 lonjakan

baharu yang diusulkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 telah menggariskan Lonjakan 9 iaitu Pembelajaran Dalam Talian Secara Global sebagai satu lonjakan baharu dalam pendidikan tinggi. Bagi mencapai matlamat ini, Kementerian berhasrat untuk menjadikan pembelajaran dalam talian dan "blended learning" sebagai asas kepada kurikulum, dengan memberi galakan agresif ke atas MOOC.

Bagi mempelbagaikan inovasi dan kaedah capaian dalam pembangunan MOOC, UMT telah mengambil langkah inovasi dengan menerapkan teknologi AR dalam UMTMOOC bagi tujuan promosi. Bagi tujuan ini, satu aplikasi mudah alih (*Mobile apps*) yang diberi nama UMTMOOC-AR telah dibangunkan bersama dengan penyelidik dari Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan, UMT iaitu Prof. Madya Dr. Mustafa Man. Teknologi ini telah diperkembangkan lagi dengan pembangunan buku UMTMOOC-AR dan dalam bentuk yang lain dalam masa terdekat. Melalui teknologi *Augmented Reality* ini, video promosi utama bagi setiap kursus dapat dimainkan secara terus melalui peranti mudah alih (telefon pintar atau tablet).

Anda boleh mencuba untuk melihat bagaimana teknologi AR ini berfungsi dengan mengikuti langkah-langkah berikut:

- a) Muat turun aplikasi UMTMOOC-AR melalui telefon pintar atau tablet yang berasaskan **ANDROID** sahaja:
<http://apps.epembelajaran.umat.edu.my/mooc>
Paparannya pilihan capaian akan dipaparkan, pilih *Drive*. Proses muat turun akan berlaku sehinggalah dipaparkan paparan untuk instalasi.
Klik pada *Install* dan tunggu hingga proses instalasi selesai. Logo UMTMOOC akan tersedia di peranti (*device*).
- b) Untuk aktifkan aplikasi ini, klik pada logo UMTMOOC;
 - i) Tekan 'Start'
 - ii) *Double Tab* untuk aktifkan *Full Screen*.
 - iii) Halanya skrin telefon pintar atau tablet ke arah setiap imej atau gambar yang disediakan seperti dibawah.
 - iv) Bila timbul simbol 'Play', klik pada simbol tersebut. Video yang berkaitan akan dimainkan.



Kemajuan Industri Kejuruteraan dan Maritim Korea Selatan

oleh: Mohd Izham bin Mohd A Wahid |
Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan

Penubuhan Tabung Pelajar Latihan Akademik Luar Negara (TALENT) telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh 23 orang pelajar Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Maritim), Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan (PPKK). Pelajar-pelajar ini telah dibawa ke Busan, Korea Selatan pada penghujung November 2015 untuk melihat sendiri dan mendalami ilmu teknologi dalam bidang maritim yang diiktiraf bertaraf antarabangsa. Lawatan ilmiah ini diketuai dan dibimbing oleh Dr. Mohd Hairi Mohd melalui pendekatan kerjasama dengan industri dan mempelajari daripada amalan terbaik industri. Pendedahan sebegini mampu meningkatkan minat dan semangat para pelajar untuk menimba lebih banyak ilmu di luar bilik kuliah.

Lawatan tersebut mensasarkan beberapa lokasi untuk dikunjungi dan diperingkat awal lagi kumpulan ini telah berjaya mendapat persetujuan empat industri berat yang terkemuka dan tiga buah universiti yang



mempunyai fokus dalam bidang maritim, kejuruteraan dan seni bina kapal. Industri yang dilawati oleh kumpulan pelajar ini termasuklah Hyundai Heavy Industries, Samsung Heavy Industries, Daewoo Shipbuilding and Marine Engineering (DSME), dan pihak berkuasa Pelabuhan, Port of Busan Authorities.

Selain itu, kumpulan pelajar ini turut berpeluang bertemu rakan pelajar dalam jurusan yang sama semasa lawatan ke Korea Maritime and Ocean University (KMOU), University of Ulsan (School of Naval Architecture and Ocean Engineering), dan Pusan National University. Kesempatan tersebut



sistem penyelenggaraan kapal, loji kuasa kapal dan teknologi-teknologi yang digunakan pada kapal moden. Selain itu, perbincangan secara komprehensif dengan wakil pihak industri yang berpengalaman dan berkepakaran amat bermakna dalam berkongsi pengetahuan dalam bidang perkapalan dan perlabuhan. Secara tidak langsung ilmu yang diajar dalam kelas berjaya dikaitkan secara terus dengan amalan pihak industri.

Lawatan ini berjaya menarik perhatian pelajar - pelajar ini terhadap banyak perkara dan pengetahuan baru, antaranya sejarah penubuhan syarikat-syarikat perkapalan terkenal di Korea Selatan seperti *Hyundai Heavy Industries*, *DSME* dan *Samsung Heavy Industries*. Syarikat-syarikat perkapalan terkemuka di Korea Selatan ini dikenal pasti mengutamakan amalan penggunaan teknologi hijau dengan tenaga alam semula jadi sebagai sumber sampingan bagi mengurangkan pembelanjaan serta memastikan keadaan persekitaran tidak tercemar dan bersih. Suasana dan situasi sebenar ketika di pelabuhan dan industri maritim telah memberi pengalaman baharu serta pengenalan kepada pelajar terhadap etika pekerjaan yang tinggi diamalkan oleh industri di sini. Peluang lawatan ini ternyata turut membuka minat para pelajar untuk mendalami ruang dan peluang pekerjaan yang ada dalam industri di negara Korea Selatan dan keperluan bagi menyambung pelajaran dalam sistem pembelajaran negara ini.



digunakan sebaiknya oleh mereka untuk bertukar-tukar fikiran dan pengetahuan dalam ilmu maritim dan juga adat budaya masyarakat di sana.

Mohamad Ameer Zafri Azman, pelajar Tahun 3 yang memulakan perancangan dan inisiatif untuk lawatan ini merasa bertuah kerana hasrat mereka untuk ke Korea Selatan sebagai destinasi pilihan berjaya direalisasikan dengan sokongan Tabung TALENT, UMT. Peluang sebegini membolehkan

mereka mempelajari dengan lebih mendalam bidang teknologi maritim antarabangsa dengan melihat sendiri kepesatan teknologi dalam industri maritim dan amalan terbaik universiti di Korea Selatan.

Bagi Ainaa Mastura Abdul Malek, lawatan ke industri dan universiti di Korea Selatan berjaya mendedahkan mereka dengan kaedah terkini dalam bidang ilmu maritim antarabangsa terutama dalam aspek kejuruteraan, pembinaan kapal,

Entomologi UMT

Pamer Keunikan Serangga di Petrosains, KLCC

oleh: Prof. Madya Dr. Wahizatul Afzan Azmi
Cik Roziah Ghazi | Kumpulan Penyelidikan Entomologi UMT

Pada 19 hingga 20 Disember 2015 yang lepas, Kumpulan Penyelidikan Entomologi UMT telah dijemput oleh pihak Petrosains untuk mengadakan pameran berkenaan keunikan serangga sempena minggu Science Engagement Session di Lobi Hot Science, Petrosains, KLCC. Pameran tersebut diwakili oleh lapan orang pelajar siswazah daripada Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran, UMT yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Wahizatul Afzan binti Azmi. Pameran yang sangat menarik dan penuh informasi ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada orang awam mengenai keunikan dan kepelbagaian spesies serangga khususnya yang terdapat di Negeri Terengganu. Pameran ini telah berjaya menarik minat ratusan pengunjung awam yang kebanyakannya terdiri daripada kanak-kanak, remaja mahupun dewasa dan yang lebih mengujakan adalah kunjungan daripada pelancong-pelancong asing seperti dari negara Australia, Afrika Selatan, Jerman, New Zealand dan sebagainya.

Secara umumnya, tidak kurang dari 300 ekor spesimen serangga daripada lebih 50 spesies telah dipamerkan. Antara order-order serangga yang telah dipamerkan termasuklah dari kumpulan kumbang (Order: Coleoptera), rama-rama dan



kupu-kupu (Order: Lepidoptera), papatung (Order: Odonata), belalang dan cengkerik (Order: Orthoptera), lebah, tebuan, penyengat dan semut (Order: Hymenoptera) serta yang paling menarik perhatian pengunjung adalah serangga kayu atau 'stick insects' (Order: Phasmatodea), riang-riang (Order: Homoptera) dan mentadak (Order: Mantodea).

Pameran serangga ini telah dibahagikan kepada empat stesen utama untuk memberi kefahaman dan pengalaman yang menyeronokkan kepada pengunjung. -stesen tersebut adalah;

Stesen 1- Pengenalan Am Mengenai Serangga

Pengunjung diberi pendedahan mengenai morfologi luaran serangga, kepelbagaian spesies serangga dan peranan serangga dalam ekosistem semula jadi melalui tayangan video dan pameran secara am. Selain itu, pengunjung juga diberi penerangan dan peluang untuk merasai pengalaman secara 'hands-on' atau praktikal mengenai teknik dah kaedah mengawet, mengepin dan merentang sayap, antenna, dan kaki serangga.

Stesen 2- Peranan Serangga Akuatik sebagai Bio-indikator Kualiti Air

Pengunjung telah diberi pendedahan serta contoh-contoh serangga akuatik yang telah diawetkan. Serangga akuatik merupakan bio-indikator kualiti air yang telah lama digunakan oleh negara-negara maju untuk menilai tahap pencemaran air. Ramai pengunjung teruja ketika melawat stesen ini kerana kebanyakan mereka tidak pernah melihat dan cakna mengenai kewujudan serangga akuatik.

Stesen 3- Ancaman Serangga Perosak dan Kawalan Biologi

Pengunjung diberi peluang untuk melihat secara langsung spesimen hidup serangga-serangga perosak pokok kelapa dan kelapa sawit. Serangga perosak yang dipamerkan ialah anai-anai, kumbang palma merah atau lebih dikenali sebagai 'Red Palm Weevil' (RPW) dan kumbang badak atau 'Oryctes rhinoceros beetle' (ORB). RPW ialah kumbang perosak pokok palma yang dilihat sebagai musuh terbaru kepada ekonomi negara kerana kumbang ini mampu menyerang semua jenis pokok palma seperti kelapa, pokok pinang, palma lanskap dan kelapa sawit. Di stesen ini juga, kajian terkini oleh Prof. Madya Dr. Wahizatul Afzan mengenai kaedah kawalan biologi menggunakan kulat entomopatogen seperti *Metarhizium anisopliae* ke atas serangga perosak turut dipamerkan.

Stesen 4- Keunikan Serangga Sosial Seperti Lebah Madu dan Kelulut

Pengunjung telah diberi pendedahan tentang kelebihan dan kelakuan serangga sosial seperti lebah madu dan kelulut. Perbezaan morfologi luaran antara lebah madu (bersengat) dan kelulut (tidak bersengat), sistem hierarki serangga sosial dan bagaimana sarang lebah tersebut dihasilkan adalah antara maklumat-maklumat yang telah dikongsi. Selain itu, pengunjung juga didedahkan mengenai keunikan komunikasi lebah untuk mencari makanan dan bagaimana permaisuri lebah menentukan jantina anak-anak lebah.



Antara kunjungan daripada pelancong asing ke pameran serangga UMT.

Selain itu, stesen tambahan juga diwujudkan melibatkan sesi aktiviti permainan interaktif berkaitan serangga seperti teka silang kata, sambung nombor membentuk serangga, dan mencari perkataan tersembunyi. Pengunjung khususnya kanak-kanak yang berjaya melengkapkan jawapan telah diberi hadiah saguhati oleh pihak Petrosains.

Kesimpulannya, objektif pameran ini telah tercapai kerana hampir keseluruhan pengunjung teruja dan berpuas hati dengan pengalaman baharu yang diperolehi dan memberikan maklum balas yang positif terhadap pameran serangga UMT. Semoga pameran ini dapat memberi manfaat kepada pengunjung dan diharapkan program seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.



OTGA Training Course: Quality Management Framework

oleh: Mohd Azam Mat Yaacob dan Nurul Hidayah Mat Zaki

Pada tanggal 20 Jun 2014, Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS) Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah menerima pengiktirafan sebagai "International Oceanographic Information Data Exchange (Iode) Associate Data Unit", Intergovernmental Oceanographic Commission (IOC), UNESCO.

Dengan pengiktirafan ini, meletakkan INOS satu-satunya institut di rantau Asia Tenggara yang menjadi pusat tempat latihan dan juga tuan rumah bagi program di rantau ini yang dianjurkan oleh IODE.

Jaringan hubungan yang dibina UMT bersama dengan IODE dan OTGA telah memberi kelebihan kepada INOS. Pada tahun 2015 yang lepas, INOS diberi keutamaan untuk menghantar dua orang pegawai iaitu Pegawai Sains, Mohd Azam Mat Yaacob dan Pegawai Sistem Maklumat, Nurul Hidayah Mat Zaki untuk mengikuti program "OTGA Training Course: Quality Management Framework" yang diadakan di UNESCO/IOC Project Office for IODE, Oostende, Belgium bermula 30 November hingga 3 Disember 2015. Program ini dibiayai sepenuhnya oleh UNESCO/IOC dan Government of Flanders (Kingdom of Belgium). Ini termasuklah tiket penerbangan pergi dan balik, dan hotel penginapan.

Program ini telah dikendalikan oleh Mr. Greg Reed dari Australia. Tujuan program ini diadakan bagi mendedahkan kepentingan Quality Management System dan kepentingan perkongsian data marin. Ini kerana lautan yang luas memerlukan kerjasama strategik untuk pengumpulan data memandangkan



Peserta kursus dari pelbagai negara.

data laut yang sentiasa berubah.

Pemudahcara jemputan, Mr. Samuli Kauranne dari Belgian Federal Marine Data Center, Royal Belgian Institute of Natural Sciences berkongsi pengalaman mengenai sejarah dan keberkesanan pelaksanaan QMS yang telah meraka terap dan laksanakan. Beliau menekankan prinsip; *"Its better to have a small QMS that works than a big one that doesn't work."*

Antara latihan individu yang agak menarik dalam kursus ini ialah setiap peserta akan melakukan latihan QMS melalui latihan secara dalam talian (<https://meted.ucar.edu>) seterusnya mempercepatkan pemahaman situasi sebenar kepada peserta.

Jadual perjalanan yang lama dari Kuala Terengganu ke Oostende (sekitar 23 jam) sememangnya amat meletihkan tetapi kami pulang dengan penuh bersemangat. Fokus kepada pembelajaran sangat

dititikberatkan kerana kursus ini sangat bermanfaat dan relevan kepada keperluan semasa dan KPI INOS. Pihak OTGA juga memberikan perkhidmatan yang cukup mantap dalam menguruskan perjalanan dan kelas para peserta dari pelbagai negara. Peluang pembelajaran sebegini tidak harus dipersiapkan dan warga UMT juga boleh memohon kursus-kursus yang ditawarkan melalui laman sesawang OTGA iaitu <http://www.oceanteacher.org>.

Pihak INOS sedang merancang dan berazam untuk melaksanakan Quality Management System bagi Sistem Pangkalan Data Marin UMT. INOS yang juga salah satu Regional Training Center (RTC) bagi OTGA juga diharapkan dapat menganjurkan lagi kursus-kursus yang berkesan pada masa hadapan dalam bidang marin dan oseanografi setelah berjaya melaksanakannya buat pertama kali pada bulan Oktober 2015 yang lalu.

Fish Jerky

Johan Innovative Food and Beverages Development Competition

oleh: Encik Fisal Ahmad, Dr. Yusnita Hamzah dan Dr. Amir Izzwan Zamri |
Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan.

Seramai enam orang pelajar daripada Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan telah menyertai pertandingan; Innovative Food and Beverages Development Competition di Konvensyen Keusahawanan Islam Ke-11 2015 (iCEPS11 2015) yang telah diadakan pada 25 hingga 29 November 2015 bertempat di Dewan Besar Konvokesyen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang bertemakan; "Ukhwah dan Ummah: Revolusi Keusahawanan Islam".

Objektif utama konvensyen tersebut adalah untuk mengetengahkan keusahawanan Islam antarabangsa seiring peredaran global dan dapat memberikan pengetahuan dan pemahaman yang jelas kepada peserta iCEPS11 berkaitan keusahawanan dan konsep pelaksanaannya yang berteraskan dan berlandaskan syariat Islam. Pelbagai program telah dijalankan bersempena dengan konvensyen tersebut yang terbuka kepada semua Universiti Awam (UA) dan swasta serta orang ramai.

Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan telah menghantar dua kumpulan pelajar daripada Program Sarjana Muda Sains Makanan (Teknologi Makanan) untuk bertanding dan membawa produk yang dinamakan 'Fish Jerky' dan 'Papaya Crunch' untuk dipertandingkan. Kedua-dua produk tersebut telah dibangunkan oleh pelajar tersebut di bawah seliaan Dr. Amir Izzwan Zamri, Dr. Yusnita Hamzah dan En. Fisal Ahmad.

Sebanyak 11 produk baharu telah dipertandingkan yang disertai oleh



Salah seorang peserta sedang memberikan penerangan berkaitan produk Fish Jerky kepada para juri.

beberapa kumpulan pelajar daripada UA lain seperti UiTM, UM dan USIM. Produk inovatif 'Fish Jerky' berperasa sate dan 'barbeque' telah menjadi Johan dan telah menerima hadiah wang tunai sebanyak RM500.00 ringgit berserta hadiah iringan. Manakala produk 'Papaya Crunch' emping daripada betik telah berada di kedudukan kelima markah yang tertinggi.

Penyertaan sebegini dapat memberikan pendedahan kepada pelajar berkaitan aspek pembangunan dan penjanaan idea bagi menghasilkan produk makanan baharu. Serta ianya juga dapat memberikan latihan awal kepada pelajar yang terlibat selaras dengan kursus Pembangunan Produk yang bakal dilalui oleh pelajar tersebut apabila mereka berada di Tahun 4 nanti. Malah dengan penyertaan ini, ianya juga dapat membantu meningkatkan interaksi positif serta jaringan hubungan yang erat antara



Wakil pelajar menerima hadiah.

para pelajar UMT dengan pelajar lain dalam bidang yang sama daripada universiti-universiti lain.

Dengan adanya sokongan dan penglibatan seperti ini, secara tidak langsung juga akan Mempromosikan lagi UMT kepada masyarakat umum sebagai Universiti Awam (UA) yang menekankan aspek inovatif dalam pelbagai bidang pengajian dan seterusnya membawa nama UMT keserata negara.

PPAL dan YIT 2015 “Inovasi Guru KAFA Terengganu (I-KAFA)”

oleh: Syarifah Noormaisarah binti Tuan Besar | Pusat Pendidikan Asas dan Liberal

Dalam usaha memperkenalkan perkhidmatan serta kepakaran yang ada, Pusat Pendidikan Asas dan Liberal telah bergerak satu langkah dalam pelaksanaan program pemindahan ilmu kepada guru-guru KAFA dengan kerjasama pihak Yayasan Islam Terengganu. Matlamat program ini adalah untuk menerapkan inovasi dalam sistem pengajaran dan pembelajaran kelas-kelas KAFA seluruh Negeri Terengganu.

Sepanjang tahun 2015 sebanyak tiga siri telah berjaya dilaksanakan. Siri pertama diadakan pada 14 April 2015 yang melibatkan penyertaan seramai 250 orang guru KAFA dari Daerah Kuala Nerus, siri kedua pula diadakan pada 9 Jun 2015 yang melibatkan penyertaan seramai 250 orang guru KAFA dari Daerah Setiu dan siri ketiga bagi tahun 2015 diadakan pada 17 November 2015 dengan penglibatan seramai 300 orang guru KAFA dari Daerah Kuala Terengganu.

Secara lazimnya, guru-guru KAFA adalah dilantik dalam kalangan pemegang SPM bidang agama dan berkhidmat mengikut tempoh kontrak yang ditetapkan. Rata-rata kumpulan guru-guru ini tidak mendapat pendedahan khusus berkaitan dengan teknik Pengajaran dan Pembelajaran di sekolah. Menurut Pengarah Program I-KAFA, Dr. Firdaus Khairi bin Abdul Kadir, Perkhidmatan yang diberikan oleh Pusat pendidikan Asas dan Liberal ini merupakan salah satu tanggungjawab sosial di mana program ini mampu menerapkan teknik pengajaran menerusi kaedah pedagogi yang menyeluruh agar guru-



Ucapan perasmian oleh YB Ghazali Taib, Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Inovasi dan Tugas-Tugas Khas.

guru KAFA dapat menyampaikan ilmu secara lebih sistematik. Program ini juga sedikit sebanyak mampu membantu mereka menerapkan nilai-nilai murni agama dengan pendekatan yang lebih tersusun serta bersifat terkini.

Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Ghazali Taib, Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Inovasi dan Tugas-Tugas Khas pada 14 April 2015. Pada sesi ketiga baru-baru ini, ucap-tama program telah disampaikan oleh Ketua Kluster Pusat Transformasi Terengganu Baharu (PUTRA), YBhg. Dato' Dr. Hj. Abd Latiff Awang. Dalam ucapannya, beliau sangat menekankan pentingnya berkata Guru-guru KAFA komited dalam mendidik selain menerapkan elemen-

elemen yang bersesuaian. Janganlah pula mereka menerapkan elemen-elemen yang boleh merencatkan proses pembelajaran dalam membentuk sahsiah murni para pelajar.

Program ini telah mendapat maklum balas positif dari Guru-guru KAFA yang terlibat di mana mereka telah mendapat pendedahan aspek inovasi dalam pengajaran yang tidak pernah diperolehi sebelum ini. Harapan mereka agar program ini dapat diteruskan dengan pelaksanaan yang lebih intensif. Melihat kepada keberkesanan program ini, ahli Lembaga Pengarah Yayasan Islam Terengganu, Ustaz Hj. Muhammad Ramli bin Nuh berhasrat untuk meneruskan kerjasama ini sehingga penyampaian ilmu ini dapat disebarluaskan kepada semua guru-guru KAFA seluruh negeri Terengganu. Ujar beliau lagi dalam perbincangan pelaksanaan guru KAFA, “Saya berharap pihak Pusat Pendidikan Asas dan Liberal dapat menghasilkan modul-modul baharu kelas KAFA sebagai rujukan kepada guru-guru KAFA di Negeri Terengganu khususnya”.

Pihak Yayasan Islam Terengganu amat menghargai usaha UMT dalam menyalurkan kepakaran dalam membantu guru-guru KAFA ini khususnya dalam aspek pendekatan dalam kaedah pengajaran. Susulan dari itu, satu jawatankuasa di peringkat negeri bakal diwujudkan dalam usaha membina modul pengajaran guru-guru Kafa Negeri Terengganu yang turut akan dianggotai oleh beberapa orang penceramah pakar dari PPAL.

Gamelan UMT

Juara Kategori Tradisional Pertandingan Muzik Gamelan Kebangsaan 2015

oleh: Suriaty Khalid & Muhammad Shahrul Azmi Hasan
| Pusat Kebudayaan dan Kesenian



Setiap tahun, UMT melalui Pusat Kebudayaan dan Kesenian akan menghantar penyertaan ke Pertandingan Muzik Gamelan Peringkat Kebangsaan 2015. UMT diwakili oleh staf dari Kumpulan Gamelan Purbawara UMT yang dianggotai seramai tujuh orang ahli telah menyertai yang telah diadakan pada 20 -21 Oktober bertempat di Stadium Tertutup Gong Badak, Kuala Terengganu.

Pertandingan berprestij anjuran Kerajaan Negeri Terengganu ini memberi ruang kepada pencinta dan penggiat seni warisan untuk

menonjolkan pelbagai ciptaan mereka secara kreatif dan kompetitif sehingga dapat terus mendekatkan muzik warisan dengan masyarakat. Ia juga menjadi salah satu wadah untuk menyubur dan mengembangkan gamelan Melayu yang masih lagi terbatas dari segi jumlah kumpulan di serata pelosok dunia berbanding gamelan Bali dan Jawa.

Kumpulan Gamelan Purbawara UMT menguasai bagi Juara Kategori Tradisional dengan hadiah RM5,000 dan piala. Turut beraksi dalam pertandingan kali ini ialah Gema Gangsa (UIAM), Gamelan Anggun

(UM), Gamelan IMAC Kolej Islam Antarabangsa, Anjung Seni, Warisan Irama (UiTM, Shah Alam), Pawana Beringin (ASWARA), Gamelan Kraf Warisan (Institut Kraf Negara), Alun Perunggu (Alumni UIAM), Sanggar Kirana (UTP), Simfoni Lokanata (UiTM Terengganu), Gamelan Sari (UiTM Terengganu), Gema Gamelan (UNITEN) dan Bayu (UPSI).

Majlis Penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Tn. Haji Samiun bin Salleh, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan).

UMT pentaskan teater Islam *Menunggu Kata dari Tuhan*

oleh: Suriaty Khalid | Pusat Kebudayaan dan Kesenian



Pementasan Teater Islam *Menunggu Kata dari Tuhan* merupakan sebuah teater yang diangkat dari sebuah hadis Rasulullah SAW seputar kisah hidup seorang sahabat Nabi bernama Ka'ab bin Malik iaitu sebuah hadis sahih, diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim. Karya dan arahan diilhamkan oleh Dinsman (Che Samsudin Othman) seorang budayawan, penulis skrip dan sasterawan. Manakala Sabri Yunus memegang watak sebagai Ka'ab dan Sani Sudin (Koprata) sebagai pemain muzik.

Program berimpak tinggi ini adalah salah satu usaha Pusat Kebudayaan dan Kesenian, HEPA dalam menjana pendapatan pusat tanggungjawab melalui jualan kupon masuk. Secara tidak langsung dapat memberi impak positif dalam usaha untuk memartabatkan manifestasi

kesenian yang berjiwa Islam sebagai santapan rohani masyarakat Malaysia khususnya warga kampus.

Pementasan ini telah berjaya dilaksanakan pada jam 8.00 malam, 30 Oktober 2015 bertempat di Dewan Sultan Mizan. Kehadiran penonton sangat menggalakkan di mana hampir 750 orang telah hadir memenuhi dewan pada malam tu. Turut hadir adalah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), YBhg Prof. Dr. Mohd Effendy bin Abd. Wahid dan beberapa pegawai kanan UMT.

Kesimpulan daripada pementasan ini apa yang dapat kita rumuskan bahawa sejauh mana kita bersedia untuk bercakap benar bila sudah melakukan kesalahan dan adakah kita bersedia untuk menerima hukumannya? *Wallaualam.*



Penggiat seni serba boleh, Sani Sudin mengalunkan muzik latar teater Menunggu Kata dari Tuhan.

Akar Kita Zapin Zon Timur UMT raih Johan dan Naib Johan

oleh: Suriaty Khalid & Mohd Shahreezad Abd. Satad | Pusat Kebudayaan dan Kesenian, HEPA



Seni tarian zapin, salah satu khazanah warisan seni yang tidak boleh dilupakan. Menyedari hakikat inilah Pusat Kebudayaan dan Kesenian, HEPA UMT telah menghantar dua kumpulan pelajar untuk menyertai Program *Akar Kita Zapin* peringkat Zon Timur. Penyertaan ini memberi peluang kepada mahasiswa dan mahasiswi UMT mempelajari dan mencintai tarian zapin. Kumpulan Kesenian Persadatari (Senior) UMT dipilih sebagai Johan manakala Kumpulan Kesenian Persadatari (Junior) UMT mendapat Naib Johan.

Program "*Akar Kita Zapin*" telah diasaskan oleh Noraniza Idris Production Ventures Sdn. Bhd. sejak tahun 2012 lagi. Program ini merupakan salah satu program modal

insan secara komprehensif berbentuk akademik, sahsiah dan kurikulum yang telah ditransformasikan kepada format pertandingan permainan-permainan tingkah zapin menerusi 13 buah tajuk zapin di dalam siri Jelajah Malaysia yang dinamakan Siri Jelajah Empayar *Akar Kita Zapin* Nusantara.

Program ini meliputi bengkel zapin, muzik dan teater yang dibimbing oleh penggiat seni yang sudah lama berkecimpung dalam bidang seni. Acara kemuncak *Akar Kita Zapin* adalah pertandingan zapin di mana persembahan dan tingkah zapin yang dinilai dari segi kreativiti dan keaslian tari zapin. Program *Akar Kita Zapin* ini telah dirasmikan oleh Menteri Besar Perak bagi Peringkat Zon Timur yang telah diadakan baru-

baru ini di AEON Manjung Perak.

Selain itu, baru-baru ini turut diadakan *Akar Kita Zapin Idol* bertempat di AEON Rawang, Selangor. Dua orang pelajar telah mewakili UMT iaitu Sunday Grace Justimus dan Syarifah Athirah ke pertandingan itu. Seramai 30 peserta telah berentap di peringkat saringan dan separuh akhir untuk ke pentas akhir di peringkat kebangsaan dan pemenang telah ditawarkan menjadi artis di bawah naungan Noraniza Idris Production Ventures Sdn. Bhd. Seorang pelajar kita iaitu Sunday Grace Justimus telah berjaya ke pentas akhir dan mendapat tempat ketiga daripada 10 peserta yang bertanding di peringkat akhir.

Lawatan Ilmiah Mahasiswa UMT ke Kasetsart University

oleh: Dr. Fauziah Tufail Ahmad | Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan

Satu program lawatan ilmiah ke Chulalongkorn University dan Kasetsart University, Bangkok, telah berjaya dilaksanakan pada 27 hingga 30 Oktober 2015. Program ini adalah tajaan sepenuhnya di bawah program TALENT, UMT. Program ini melibatkan 30 orang pelajar yang terdiri daripada mahasiswa Tahun 2 dan 3 Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Teknologi Lepas Tuai) dan Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Sains Tanaman). Program ini bertujuan untuk mendedahkan para mahasiswa dengan teknologi dan kajian terkini yang sedang dilakukan di luar negara. Thailand memang terkenal dengan industri pertanian dan makanan yang sangat membangun. Banyak produk makanan yang dihasilkan di Thailand berjaya menembusi pasaran antarabangsa dan diiktiraf di peringkat dunia.

Kasetsart University terutamanya amat fokus menjalankan kajian dalam pertanian. Bangkhen dan Kamphaeng Saeng merupakan dua kampus utama Kasetsart University. Kajian yang dilakukan di kampus ini lebih bertumpu kepada menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh para petani dan industri makanan. Para saintis di kedua-dua kampus ini berhubung secara langsung dengan para petani tempatan dalam menyelesaikan masalah mereka. Kebanyakan kajian atau inovasi yang dihasilkan oleh kampus ini tidak melibatkan kos yang tinggi dan sangat praktikal untuk digunakan oleh para petani. Mereka



Pelajar mendengar penerangan oleh Dr. Teeranud tentang kajian yang dijalankan di Post Harvest Centre, Kamphaeng Saen, Kasetsart University.

turut menjalankan kerjasama dengan universiti terkemuka dunia, University of California, Davis (UC Davis). Contoh inovasi yang dihasilkan termasuklah CoolBot™ (teknologi pendingin untuk penyimpanan sejuk hasil buahan dan tumbuhan), pengeringan hasil komoditi secara solar dan juga pam saluran berkos rendah.

Selain itu, para mahasiswa didedahkan juga dengan teknik pembungkusan biodegradasi yang berasaskan tumbuhan semula jadi. Mahasiswa juga diberi peluang untuk merasa sendiri kualiti hasil yang dibungkus menggunakan teknologi berkenaan. Pengalaman yang paling menarik bagi semua peserta lawatan adalah apabila diberi peluang menyaksikan sendiri bagaimana pembiak bakaan baka

lembu Kamphaeng Saen dihasilkan. Penerangan yang amat jelas oleh pegawai yang terlibat serta demonstrasi seperti gaya *cowboy* turut menambahkan minat para pelajar dan memberikan kefahaman yang sangat jelas kepada para mahasiswa berkenaan dengan sains haiwan yang amat terhad untuk dilakukan di UMT.

Manakala di Chulalongkorn University, para mahasiswa lebih didedahkan kepada *processing line* dalam industri makanan. Pihak fakulti turut berbesar hati memberikan kebenaran kepada semua mahasiswa untuk melawat ke semua makmal yang ada di setiap tingkat bangunan Faculty of Science Chulalongkorn University sambil diberikan penerangan yang jelas berkenaan aktiviti dan analisis yang dilakukan

di situ. Para mahasiswa malah dialu-alukan kedatangan di masa akan datang untuk lawatan seterusnya dan juga mungkin sebagai program sangkutan.

Hasil daripada perbincangan antara penyelidik dan para mahasiswa semasa lawatan ini, telah mencetuskan idea para mahasiswa untuk projek tahun akhir mereka. Selain itu, kaedah yang sedang dijalankan oleh para penyelidik iaitu mencipta inovasi berasaskan masalah para petani patut dicontohi oleh para saintis terutamanya di Malaysia. Selain itu, di Thailand, projek penyelidikan yang berpotensi turut akan diberi sokongan penuh dari segi kewangan dan juga publisiti oleh Raja Thailand sendiri di bawah program Royal Project. Lawatan ini turut menambah baik hubungan dua hala antara UMT dengan Kasetsart University dan Chulalongkorn University.



Antara penyelidikan yang dilakukan di Post Harvest Centre yang telah memenangi beberapa award antarabangsa.



Penerangan oleh penyelidik kepada para pelajar tentang solar pump dan solar dryer.

RENUNGAN

Sedekah

“Siapakah orangnya yang (mahu) memberikan pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (yang ikhlas) supaya Allah melipatgandakan balasannya dengan berganda-ganda banyaknya?

Dan (ingatlah), Allah jualah yang menyempit dan yang meluaskan (pemberian rezeki) dan kepada-Nyalah kamu semua dikembalikan.” al-Baqarah: Ayat 245

“...dan berilah pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (ikhlas) dan (ingatlah), apa jua kebaikan yang kamu kerjakan sebagai bekalan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasannya pada sisi Allah, sebagai balasan yang sebaik-baiknya dan yang amat besar pahalanya dan mintalah ampun kepada Allah; sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.” al-Muzammil: Ayat 20.



Geopark Tasik Kenyir

Penyunting : Faizah Mohd Sharoum, Mohd Tajuddin Abdullah, Che Aziz Ali, Roslina Ismail
ISBN : 978-967-0524-98-6
Tahun : 2015
Sinopsis :


Tasik Kenyir merupakan tasik buatan manusia yang terbesar di Asia Tenggara. Selain kaya dengan keindahan panorama geologinya, Tasik Kenyir juga menyimpan khazanah flora dan fauna yang tidak terilai. Kepelbagaian nilai seni, budaya, adat resam dan sejarah masyarakat sekitar Tasik Kenyir menjadi nilai tambah yang melayakkan Tasik Kenyir dinobatkan sebagai salah satu Geotapak di peringkat global. Selaras dengan aspirasi negara untuk menyokong pembangunan sumber alam yang mampan, pengiktirafan Geotapak Tasik Kenyir dilihat berada pada landasan dan masa yang tepat. Buku *Geopark Tasik Kenyir* ini yang mendokumentasi keindahan geologi, keunikan flora dan fauna dan kepelbagaian seni tradisi masyarakat setempat diharap dapat menjustifikasikan keperluan Tasik Kenyir diiktiraf sebagai Geotapak warisan dunia dalam masa terdekat.



MEMPERKASA KEPIMPINAN AKADEMIK Semai Bakti Menuai Budi

Penyunting : Norzaini Azman
ISBN : 978-967-0962-02-3
Tahun : 2016
Sinopsis :

Kecemerlangan sesebuah universiti sangat bergantung kepada kewibawaan dan keberkesanan sumbangan ahli akademiknya iaitu bakat intelektual yang berperanan sebagai agen perubahan kepada pelajar, institusi dan masyarakat. Sebagai seorang sarjana atau cendekiawan, ahli akademik perlu menjadi pemimpin dalam bidang ilmunya dan dalam melaksanakan pelbagai peranan akademik. Pemimpin akademik merujuk kepada ahli akademik berkualiti, mempunyai pengalaman serta kewibawaan akademik yang tinggi. Pemimpin akademik tidak hanya terhad kepada ahli akademik yang mempunyai gelaran atau kedudukan perjawatan pentadbiran atau pengurusan tetapi berdasarkan kepakaran dan kepimpinan ilmu yang boleh digunakan untuk mempengaruhi orang lain dan seterusnya memberi impak kepada pembangunan dan masyarakat. Dalam senario universiti di Malaysia, pembangunan dan pemerikasaan kepimpinan akademik sangat diperlukan untuk membangun potensi dan bakat ahli akademik bagi melestarikan sekitaran atau budaya akademik cemerlang. Lebih ramai pemimpin akademik juga diperlukan bagi meneraju gagasan ekonomi berasaskan pengetahuan.



Persoalan Tentang Resdung

Pengarang : Zuraida Zainun, Philip Rajan dan Gagandeep Singh Mann
ISBN : 978-967-5366-72-9
Tahun : 2015
Sinopsis :

Resdung atau secara saintifiknya dikenali sebagai *allergic rhinitis*. Penyakit ini merupakan penyakit yang seringkali dialami masyarakat kita di setiap lapisan umur. Walau bagaimanapun resdung seringkali dialami oleh golongan dewasa dan ianya merupakan salah satu penyakit keturunan. Secara umum penyakit ini berhubung kait dengan hypersensitif sistem autoimun badan manusia dan kebiasaannya melibatkan ketidakserasian terhadap sesetengah makanan laut.

Walaupun penyakit ini seringkali dihadapi pesakit, pengetahuan terhadap penyakit ini masih terlalu rendah dan kurang dalam kalangan masyarakat kita. Pengetahuan yang baik mampu membantu pesakit mendapat rawatan seawal mungkin dan yang terbaik. Di samping itu ianya mampu mengelak dan mengurangkan komplikasi dari penyakit resdung yang kronik terhadap pesakit. Harapan kami agar dengan terbitnya buku persoalan tentang masalah resdung ini mampu membantu pesakit dan masyarakat menjawab persoalan yang timbul berkaitan dengan penyakit ini. Buku ini akan mengupas dan menjawab tanda, simptom, punca, penyiasatan dan rawatan bagi penyakit resdung.



Set Kabur & Pengukuran Sosial

Penyunting: Mohd Lazim Abdullah
ISBN : 978-967-0962-05-4
Tahun : 2016
Sinopsis :

Set Kabur dan Pengukuran Sosial ialah buku tentang pengenalan kepada set kabur yang digunakan dalam pengukuran sosial. Konsep asas darjah keahlian dalam set kabur diterangkan dalam bab-bab awal buku ini. Seterusnya konsep ini diperluaskan dalam penggunaan pengukuran sosial seperti indeks pembangunan manusia dan indeks kemiskinan. Kefahaman tentang konsep keahlian dalam set kabur serta kaitannya dengan nombor kabur perlu difahami agar ia menjadi asas yang kuat kepada penggunaannya dalam pengukuran sosial. Indeks pengukuran sosial yang diungkap dalam darjah keahlian kabur adalah antara pengetahuan baharu yang dapat dimanfaatkan daripada buku ini. Pelaksanaan pengiraan pengukuran sosial secara langkah demi langkah dan penyusunan pengiraan secara sistematik membolehkan kefahaman dibina dengan mudah. Dengan persembahan dan penyusunan ayat yang mudah dan ringkas, buku ini memang berguna kepada masyarakat khususnya golongan penyelidik sosial, pelajar prasiswazah dan pelajar pasca siswazah untuk menjalankan penyelidikan yang berkait dengan pengukuran sosial. Buku ini dapat membantu dalam membuat pengusulan indeks yang dapat memberi interpretasi mudah tentang sesuatu pengukuran sosial masa kini.